

Saifuddin anggap dakwaan SD hanya khabar angin

PUTRAJAYA - Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail menganggap akuan bersumpah (SD) yang didakwa ditandatangani oleh ahli Parlimen termasuk dari pada parti itu bagi menyokong Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri sehingga akhir penggal sekadar khabar angin.

Menurutnya, beliau hanya mengetahui hal tersebut menerusi laporan berita.

"Setakat ini saya anggap khabar angin," katanya kepada pemberita selepas sesi dialog bersama pihak industri di menterianya di sini semalam.

Saifuddin berkata, setakat ini tiada mana-mana pihak yang mendekatinya.

"Kami tidak tahu, tidak ada pengesahan dan itu masih kekal sebagai berita yang dilaporkan. Tidak ada sesiapa yang

tampil dan setakat yang saya semak tidak ada," katanya.

Saifuddin juga mengesahkan Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) akan bermesyuarat pada 21 Februari depan.

"Yang saya tahu akan bermesyuarat seperti biasa. Itu yang saya tahu," katanya.

Kelmarin, portal *Sarawak Report* melaporkan sumber mendakwa bahawa ahli Parlimen dari UMNO, Pas, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) selain ahli Parlimen PKR yang memihak kepada Timbalan Presiden PKR, Azmin Ali digesa untuk datang ke Kuala Lumpur bagi menandatangani SD itu dalam tempoh 48 jam terakhir.

Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagaimanapun kelmarin memaklumkan bahawa beliau tidak diberitahu secara rasmi mengenai hal tersebut.



Saifuddin Nasution pada sidang media selepas sesi dialog bersama industri di Putrajaya semalam.